



**BUKU PANDUAN
BAGI
PENUNTUT-PENUNTUT**

**SKIM BIASISWA PENDIDIKAN
TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
(BPTV)**

**DI INSTITUSI PENGAJIAN
SWASTA DALAM NEGERI**

**DI BAWAH
DANA SUMBER MANUSIA**

**Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Edisi 4.0, September 2016

ISI KANDUNGAN

1.	PENDAHULUAN	2
2.	OBJEKTIF	2
3.	SASARAN KUMPULAN	2
4.	PERINGKAT PENDIDIKAN	3
5.	JENIS-JENIS KEMUDAHAN	3
6.	SYARAT-SYARAT UTAMA	3
7.	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	4
8.	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	4
	8.3. Menarik Diri/Berhenti	4
	8.4. Penangguhan Kursus	5
	8.5. Gagal Dalam Pengajian	6
	8.6. Wanita Yang Mengandung	7
	8.7. Menukar Kursus Atau Tempat Pengajian	7
	8.8. Penamatan Biasiswa	7
	8.9. Bercuti	8
9.	CALON YANG BERJAYA MENAMATKAN KURSUS	8
10.	PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN BIASISWA	8
11.	TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN	9
12.	CALON YANG DIANUGERAHKAN BIASISWA	10

**SKIM BIASISWA PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (BPTV)
DI INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA DALAM NEGERI
DI BAWAH DANA SUMBER MANUSIA**

1. PENDAHULUAN

1.1 Bagi memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat khususnya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional, Kerajaan telah menyediakan satu skim biasiswa yang akan diberikan kepada pelajar lepasan di peringkat 'O' untuk mengikuti pengajian di institusi swasta. Dengan cara ini akan memberi mereka peluang untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya bagi menyahut Wawasan Brunei 2035. Dengan mengambil tindakan ini juga, akan mencegah para pelajar lepasan 'O' level dari menjadi masyarakat yang terbiar, tidak berpendidikan tinggi, dan mungkin juga akan menjadi pencari kerja yang tidak mempunyai sebarang kemahiran yang setentunya tidak menjadikan mereka '*employable*' di pasaran.

2. OBJEKTIF

2.1 Objektif skim ini adalah seperti berikut:

- i) Memberi peluang anak-anak Brunei yang terdiri dari lepasan sekolah di peringkat 'O' untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi bagi menyahut Wawasan Brunei 2035;
- ii) Meningkatkan kelulusan dan kemahiran anak-anak tempatan; dan
- iii) Memberikan bantuan kewangan bagi pelajar yang berkelayakan akan tetapi tidak berupaya untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi swasta disebabkan tiada berkemampuan untuk membiayai yuran pengajian.

3. SASARAN KUMPULAN

3.1. Sasaran kumpulan bagi skim biasiswa ini adalah seperti berikut:

- i) Pelajar-pelajar yang tamat sekolah di peringkat 'O' yang memperolehi keputusan 3 'O' dan ke bawah atau sebandingnya;
- ii) Memenuhi syarat kemasukan bagi mengikuti kursus-kursus yang berkenaan sahaja; dan
- iii) Tidak bekerja.

4. PERINGKAT PENDIDIKAN

- 4.1. Biasiswa ini dibukakan kepada semua jenis kursus di dalam negeri yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) bagi peringkat kursus *Certificate* atau sebanding.

Jadual 1: Jenis Peringkat Pendidikan Dalam Negeri Yang Diiktiraf oleh Brunei Darussalam Technical dan Vocational Education Council (BDTVEC) dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK).

PERINGKAT KURSUS ANTARABANGSA
BTEC: <ul style="list-style-type: none">• Certificate.
NCC Education: <ul style="list-style-type: none">• International Certificate.
Universiti Malaysia Sabah: <ul style="list-style-type: none">• Certificate.

- 4.2. Mana-mana kursus *certificate* yang dikategorikan sebagai kursus matrikulasi (foundation), kursus profesional dan *Twinning Program* dan kursus *certificate* yang melebihi satu (01) tahun tempoh pengajian tidak akan dibiayai di bawah Skim ini.

5. JENIS-JENIS KEMUDAHAN

- 5.1. Bagi **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam:
- 5.1.1. Pihak Kerajaan akan membiayai kos pengajian sepenuhnya (termasuk yuran pendaftaran dan peperiksaan) bagi kursus-kursus yang diiktiraf oleh MKPK; dan
- 5.1.2. Elaun perjalanan sebanyak BND 45 sebulan akan diberikan kepada pelajar.

6. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 6.1. **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam **yang tidak bekerja**.
- 6.2. Pelajar yang tamat sekolah di peringkat 'O'.
- 6.3. Mempunyai 3 'O' level dan ke bawah.
- 6.4. Pelajar yang sudah menuntut di institusi Kerajaan tidak dibenarkan untuk memohon skim ini.

- 6.5. Pemohon hanya dibolehkan mengikuti pengajian di **institusi pengajian swasta dalam negeri sahaja**.
- 6.6. Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan bagi mengikuti kursus di institusi yang berkenaan dan diluluskan oleh MKPK.
- 6.7. Bidang kursus yang layak diberikan biasiswa adalah berdasarkan keperluan negara dan diiktiraf oleh MKPK dan yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) dan Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Di Sektor Swasta (PSTS).
- 6.8. Biasiswa ini dibukakan bagi pengajian **sepenuh masa (*full-time*)** dan pengajian hanya dibenarkan pada **waktu siang** sahaja.

7. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 7.1 Syarat-syarat kelayakan adalah mengikut peraturan rasmi MKPK.

8. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 8.1. Calon yang akan mengikuti Skim Biasiswa ini dimestikan menandatangani borang perjanjian (**Borang BPTV/B**) dengan pihak Kerajaan.
- 8.2. Calon yang memohon Skim Biasiswa ini akan ditemuduga, jika perlu, tertakluk kepada institusi pengajian swasta.
- 8.3. **Menarik Diri / Berhenti**
 - 8.3.1 Pelajar yang sudah menerima surat tawaran dari JPKE dan **sedang** mengikuti pengajian, hendaklah menyertakan alasan yang kukuh dan munasabah jika ingin menarik diri. Maksud alasan yang kukuh dan munasabah adalah alasan yang dapat dibuktikan kesahihannya seperti mendapat pekerjaan, mendapat tawaran belajar ke institusi Kerajaan, masalah kesihatan atau sebagainya.
 - 8.3.2 Calon yang menarik diri semasa berkursus tanpa memberikan sebab yang kukuh dan munasabah tidak akan dibenarkan.
 - 8.3.3 Calon tidak boleh menarik diri/berhenti sebelum menerima surat kebenaran dari pihak JPKE.
 - 8.3.4 Jika calon menarik diri dalam keadaan yang dinyatakan di bawah, tindakan-tindakan yang akan dikenakan kepada pelajar adalah seperti berikut:

Bil	Status Pelajar Semasa Menarik Diri	Tindakan Kepada Pelajar
i)	Pelajar yang sudah menerima surat tawaran dari JPKE dan sedang mengikuti pengajian, jika menarik diri dengan alasan yang kukuh dan munasabah .	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelajar tersebut tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang.
ii)	Pelajar yang sudah menerima surat tawaran dari JPKE dan sedang mengikuti pengajian, jika menarik diri tanpa sebab yang kukuh dan munasabah atau berhenti sebelum mendapat kebenaran dari JPKE.	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelajar tersebut tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang. ➤ Pelajar dikehendaki membayar balik kesemua yuran pengajian sepanjang pengajian.
iii)	Menarik Diri semasa kursus baru bermula	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelajar tersebut tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang. ➤ Pelajar dikehendaki membayar balik kesemua yuran pengajian sepanjang pengajian.

8.3.5 Tatacara menarik diri adalah seperti berikut:

Tatacara Menarik Diri
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelajar hendaklah menghadapkan surat ke JPKE untuk memohon kebenaran menarik diri dengan menyertakan surat tawaran bekerja, surat tawaran dari institusi Kerajaan, atau laporan kesihatan sebagai bukti. ➤ Pelajar tidak boleh menarik diri/berhenti sebelum menerima surat kebenaran dari pihak JPKE. ➤ Pelajar tersebut perlu menunggu surat kebenaran dari JPKE barulah berhenti dari institusi tersebut. Jika didapati berhenti tanpa ada kebenaran, tindakan akan diambil dimana pelajar dikehendaki membayar balik semua yuran pengajian disepanjang tempoh pengajian dan pelajar tersebut tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang.

8.4. Penanguhan Kursus

8.4.1 Bagi calon yang telah dianugerahkan biasiswa bagi sesi yang telah ditetapkan, calon tidak dibenarkan untuk menanguhkan kursus ke sesi pengajian yang akan datang

8.4.2 Jika calon terpaksa untuk menangguhkan kursus sebelum memulakan pengajian atau semasa pengajian, calon dikehendaki untuk menghadapkan perkara-perkara berikut ke JPKE:

- a) Surat permohonan dengan menyatakan sebab-sebab penangguhan;
- b) Kebenaran menangguhkan kursus dari institusi yang berkenaan; dan
- c) Laporan kemajuan akademik.

8.4.3 Perkara-perkara tersebut di atas akan dihadapkan ke Jawatankuasa Pandu BPTV dan PSTS untuk pertimbangan selanjutnya.

8.5. Gagal dalam Pengajian

8.5.1 *Repeat Unit*

8.5.1.1 Bagi calon yang gagal satu atau dua matapelajaran dan dibenarkan mengulang (*repeat unit*) hendaklah meneruskan pengajian dalam **kursus dan tempat yang sama** dan tidak dibenarkan menangguhkan kursus.

8.5.1.2 Bayaran bagi mengulang kertas peperiksaan (*repeat unit*) akan ditanggung oleh Kerajaan bagi **dua matapelajaran sahaja sepanjang tempoh pengajian**. Pembayaran peperiksaan bagi matapelajaran yang selebihnya dan seterusnya, hendaklah ditanggung sendiri oleh calon tersebut.

8.5.1.3 Calon hendaklah mengikuti peraturan rasmi MKPK mengenai dengan mengulang (*repeat unit*).

8.5.1.4 Jika calon tidak menduduki peperiksaan *repeat unit* di dalam tempoh yang ditetapkan, calon akan dikira gagal. **Biasiswa akan ditamatkan** dengan serta merta dan **tidak akan dipertimbangkan** bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang.

8.5.2 *Repeat Programme*

8.5.2.1 Bagi calon yang gagal dan dikehendaki untuk mengulang tahun pengajian (*repeat programme*), pelajar akan ditamatkan biasiswanya dengan serta merta dan **tidak akan dipertimbangkan** bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang.

8.5.2.2 Calon yang gagal (*repeat programme* atau tidak) dikehendaki **melapor diri ke JPKE** selewat-lewatnya tiga hari setelah menerima keputusan gagal dari Kerajaan

8.6 Wanita Yang Mengandung

- 8.6.1 Pelajar wanita yang mengandung sebelum atau setelah memulakan kursus boleh menghadapi permohonan untuk menangguhkan kursus dengan menyertakan laporan kesihatan dan pengesahan kebenaran dari institusi pengajian mengenai penangguhan berkenaan berserta maklumat mengenai jangkaan tarikh memulakan kursus selepas cuti bersalinnya berakhir.
- 8.6.2 Pemohon tersebut tidak dibenarkan untuk menangguhkan kursus melebihi satu tahun setelah diberikan kebenaran.
- 8.6.3 Bagi pelajar wanita yang mengandung dan masih meneruskan pengajian, pelajar tersebut tidak dibenarkan cuti sesuka hati semasa pengajian. Mereka perlu menghadapi surat kebenaran cuti dari klinik kesihatan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- 8.6.4 Bagi pemohon yang telah bersalin, tempoh cuti selepas bersalin adalah tertakluk kepada kebenaran yang diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan mengikut peraturan yang ada pada masa ini.
- 8.6.5 Pelajar hendaklah memaklumkan kepada pihak JPKE dan institusi pengajian swasta dengan menyertakan salinan cuti bersalin.
- 8.6.6 Elaun perjalanan tidak akan diberikan semasa tempoh cuti tersebut.

8.7 Menukar Kursus atau Tempat Pengajian

- 8.7.1 Pelajar tidak dibenarkan menukar kursus atau tempat pengajian.

8.8 Penamatan Biasiswa

- 8.8.1 Calon yang didapati melakukan apa jua kesalahan yang tersebut di bawah akan ditamatkan biasiswa dengan serta merta dan dikehendaki **membayar balik kesemua yuran pengajian** yang telah dibiayai oleh kerajaan sepanjang pengajian.
- 8.8.2 Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut:
 - a) Kedatangan sekolah yang tidak memuaskan (kurang dari 85% dari jumlah kehadiran) setelah surat amaran yang terakhir diberikan;
 - b) Penyalahgunaan dadah;
 - c) Melanggar undang-undang jenayah;
 - d) Penglibatan dalam pergerakan atau pertubuhan politik;
 - e) Penyelewengan dari kepercayaan ahli Sunnah Wal Jamaah bagi Pelajar-Pelajar yang beragama Islam;
 - f) Mengembangluaskan agama lain selain daripada agama Islam;
 - g) Meninggalkan kursus latihannya semasa dalam pengajian tanpa memberi alasan yang munasabah;

- h) Melanggar etika dan disiplin institusi;
- i) Menukar kursus/institusi tanpa kebenaran; dan
- j) Bekerja secara tetap, sementara atau bekerja dengan pihak Kerajaan tetapi cuti tidak bergaji.

8.8.3 Bagi calon yang dikehendaki untuk membayar balik, **pembayaran balik** bolehlah dilakukan secara tunai atau beransur-ansur dan **jika gagal** melakukan pembayaran tersebut di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pandu BPTV dan PSTS, tindakan mahkamah akan diambil.

8.9 Bercuti

8.9.1 Calon adalah tidak dibenarkan untuk bercuti tanpa kebenaran.

8.9.2 Calon yang berhasrat untuk bercuti hendaklah mendapat kebenaran dari pihak institusi yang berkenaan.

9. CALON YANG BERJAYA MENAMATKAN KURSUS

9.1 Calon yang telah berjaya menamatkan kursus adalah dikehendaki untuk melapor diri kepada JPKE dengan mengisikan borang tamat pengajian di JPKE selewat-lewatnya **sebulan** dari tarikh keputusan rasmi diumumkan.

Nota: Definasi tarikh tamat pengajian adalah tarikh peperiksaan terakhir pengajian.

10. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN BIASISWA

10.1 Pemohon di bawah kategori berikut tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan biasiswa:

10.1.1 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan atau yang tidak lengkap diisi, sijil dokumen yang dihadapkan tidak disahkan atau mempunyai maklumat palsu.

10.1.2 Tidak memenuhi kehendak syarat-syarat seperti yang ditetapkan di perenggan 6 hingga 8 dan institusi pengajian swasta.

10.1.3 Pemohon yang dimasukkan ke dalam senarai 'blacklist' kerana membuat kesalahan tindakan tatatertib tidak akan dipertimbangkan.

10.1.4 Memohon untuk mengikuti pengajian di peringkat yang sama yang telah diperolehi sebelumnya.

10.1.5 Pemohon yang tidak mengambil Surat Penganugerahan dan mengembalikan Borang Perjanjian di dalam tempoh yang ditetapkan.

11. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN BIASISWA

11.1 Pemohon hendaklah memohon untuk mendapat tawaran tempat dari IPS dalam negeri sebelum memohon biasiswa Skim BPTV.

11.2 Senarai institusi pengajian swasta yang didapati layak dan dibenarkan ikut serta pada masa ini adalah seperti berikut:

- **INTERNATIONAL GRADUATE SCHOOL COLLEGE (IGS)**
- **LAKSAMANA COLLEGE OF BUSINESS (LCB)**
- **COSMOPOLITAN COLLEGE OF COMMERCE & TECHNOLOGY (CCCT)**
- **KEMUDA INSTITUTE (KI)**
- **MICRONET INTERNATIONAL COLLEGE (MIC)**

11.3 Pemohon hendaklah mengisi **Borang BPTV/A** untuk mendapatkan biasiswa. Borang permohonan tersebut boleh diperolehi dari laman web: www.depd.gov.bn dan mengembalikan **Borang BPTV/A** yang sudah diisi dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang lengkap kepada institusi pengajian swasta yang dibenarkan.

11.4 Pihak institusi akan menghadapkan permohonan Borang BPTV/A beserta dokumen-dokumen berikut kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama permohonan **Borang BPTV/A** adalah seperti berikut:

- Salinan Kad Pengenalan;
- Salinan Surat Beranak;
- Surat tawaran tempat kursus dari institusi pengajian;
- Salinan surat pengiktirafan/pengesahan dari MKPK; dan
- Salinan sijil-sijil kelulusan akademik.

11.5 Semua pemohon yang memenuhi syarat permohonan akan dihadapkan ke Jawatankuasa Pandu BPTV dan PSTS. Jawatankuasa Pandu BPTV dan PSTS akan membuat pertimbangan dan sokongan terhadap Pelajar yang akan dianugerahkan Skim BPTV ini.

12. CALON YANG DIANUGERAHKAN BIASISWA

- 12.1 Bagi calon yang dianugerahkan biasiswa adalah dikehendaki untuk **mengambil Surat Penganugerahan di tempat dan tarikh yang ditetapkan.**
- 12.2 Calon adalah dikehendaki untuk mengembalikan **Borang Perjanjian** serta menghadapkan dokumen-dokumen berikut tidak lewat dari tarikh yang telah ditetapkan ke JPKE:
- a) Borang Perjanjian (Borang BPTV/B); dan
 - b) Salinan kad pengenalan dan penyata dari bank (*Account Statement*).
- 12.3 Jika calon **gagal** mengambil Surat Penganugerahan dan mengembalikan Borang Perjanjian di dalam tempoh yang ditetapkan, calon akan dikira **menarik diri** dari mengikuti skim ini dan **tidak akan dipertimbangkan** bagi permohonan biasiswa Skim BPTV di masa akan datang.